



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**KEJADIAN KES POLIO PERTAMA SETELAH MALAYSIA
DIISYTIHARKAN BEBAS POLIO**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan dukacita ingin memaklumkan kejadian satu kes yang disahkan dijangkiti virus polio di Malaysia, setelah 27 tahun Malaysia bebas daripada penyakit tersebut.

Kes melibatkan seorang bayi lelaki warganegara Malaysia berumur tiga bulan dari Tuaran, Sabah yang telah mengalami demam diikuti dengan lemah anggota badan dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi di hospital. Beliau telah disahkan dijangkiti *vaccine-derived poliovirus type 1* (VDPV1) pada 6 Disember 2019. **Hasil ujian pengesahan yang dijalankan oleh *World Health Organization (WHO) Polio Regional Laboratory* di Australia, virus tersebut mempunyai perkaitan genetik dengan virus polio yang dikesan pada kes *Acute Flaccid Paralysis (AFP)* di negara Filipina. Seterusnya, *vaccine-derived poliovirus type 1* ini diklasifikasikan sebagai *circulating vaccine-derived poliovirus type 1 (cVDPV 1)*.**

Pesakit kini masih dirawat di wad isolasi dan berada dalam keadaan stabil tetapi masih memerlukan bantuan pernafasan. Memandangkan pesakit masih memerlukan rawatan rapi, orang ramai dan pihak media adalah

dipohon untuk tidak mengganggu waris atau petugas kesihatan di hospital dalam menjalankan tugas memberi rawatan kepada pesakit tersebut.

Circulating vaccine-derived poliovirus (cVDPV) berasal daripada virus polio yang telah dilemahkan di dalam vaksin polio yang diberi secara oral (*Oral Polio Vaccine – OPV*). Virus yang dilemahkan ini dikumuhkan oleh badan melalui najis. Dalam persekitaran yang tidak sanitari, ia boleh menjangkiti orang lain yang tiada imuniti terhadap polio dan ia terus tersebar dalam komuniti yang liputan imunisasi polio kurang daripada 95%. Semakin lama virus itu tersebar dalam komuniti tersebut, ia mengalami mutasi genetik hingga menjadi virus yang kembali aktif. Virus ini dipanggil *vaccine-derived poliovirus (VDPV)* dan boleh menyebabkan poliomyelitis. **Namun begitu, untuk mereka yang telah divaksinasi dengan vaksin poliomyelitis, mereka akan mendapat perlindungan daripada jangkitan penyakit tersebut (*protected from infection*).**

Sehingga 5 Disember 2019, hasil siasatan di kawasan tempat tinggal kanak-kanak yang dijangkiti polio di Sabah ini mendapati 23 daripada 199 orang (11.6%) yang berumur di antara dua (2) bulan hingga 15 tahun tidak menerima vaksin polio. Ini satu keadaan yang sangat merunsingkan kerana penularan jangkitan cVPDV hanya boleh ditamatkan dengan imunisasi polio. **Hasil penerangan mengenai kepentingan imunisasi polio bagi mencegah jangkitan polio, ibu bapa kesemua kanak-kanak tersebut telah bersetuju untuk mereka diberikan vaksin polio.**

Aktiviti pencarian kes *acute flaccid paralysis (AFP)*, proksi kepada poliomyelitis di kawasan tempat tinggal kanak-kanak itu juga telah dijalankan. Sehingga 5 Disember 2019, seramai 646 orang telah diperiksa, dan tiada orang bergejala AFP dikesan. Siasatan masih diteruskan di

kawasan tersebut, termasuk pengambilan sampel najis dari kontak rapat kanak-kanak itu dan sampel persekitaran bagi pengesanan virus polio.

Bagi memastikan virus polio yang dikesan ini tidak terus menular di Malaysia dan menyebabkan poliomyelitis dalam kalangan mereka yang tiada imuniti terhadap jangkitan polio, aktiviti pemberian imunisasi polio akan diteruskan di kawasan tempat tinggal kes dan diperluaskan ke kawasan lain yang berisiko. Ia bagi memastikan liputan imunisasi polio yang tinggi, iaitu melebihi 95%. Pendidikan kesihatan mengenai penyakit polio dan langkah pencegahan juga telah diberikan, termasuk penggunaan tandas yang sanitari dan penjagaan kebersihan diri termasuk tangan. Perlu diingatkan bahawa penyakit Polio, seperti banyak penyakit yang lain, ditularkan melalui "*fecal oral route*". Penduduk juga dinasihatkan agar segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya mempunyai gejala AFP atau memaklumkan pihak KKM sekiranya mengetahui terdapat kes sedemikian yang tidak mendapatkan rawatan.

Untuk makluman, kes polio terakhir di Malaysia berlaku pada tahun 1992. Pada Oktober 2000, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara Rantau Pasifik Barat (*Western Pacific Region*), telah diisytiharkan bebas daripada penyakit polio. Kejayaan pembasmian penyakit ini adalah berikutan pencegahan melalui vaksin polio yang diperkenalkan di dalam Program Imunisasi Kebangsaan sejak tahun 1972 dan diteruskan sehingga ke hari ini. Program ini dimantapkan lagi dengan pertukaran cara pemberian vaksin daripada secara oral (*Oral Polio Vaccine – OPV*) kepada secara suntikan (*Inactivated Polio Vaccine – IPV* yang menggunakan virus polio yang telah dimatikan) pada tahun 2008. Langkah pertukaran ini dibuat bagi menghindari risiko berlakunya

circulating vaccine-derived poliovirus (cVDPV). **Bagi mencegah penyakit polio daripada berlaku, liputan imunisasi harus sentiasa melebihi 95%.**

Bagi mengekalkan negara terus bebas dari penyakit polio, KKM melalui semua Pejabat Kesihatan Daerah dan fasiliti kesihatan hendaklah melaksanakan aktiviti berikut:

- i. Memastikan pemantauan dan pengesanan AFP di semua fasiliti kesihatan diperkukuhkan;
- ii. Memperluaskan pemantauan sampel persekitaran di kawasan-kawasan berisiko tinggi seperti kawasan penempatan warga asing dari negara yang sedang mengalami polio.
- iii. Memastikan liputan imunisasi polio melebihi 95% di semua lokaliti di Malaysia pada setiap masa. Bagi negeri Sabah yang paling hampir dengan negara Filipina, liputan imunisasi yang tinggi adalah penting untuk melindungi kanak-kanak dari jangkitan polio;
- iv. Meningkatkan aktiviti pemantauan kes cicir imunisasi;
- v. Meningkatkan kesedaran dan pendidikan kesihatan mengenai penyakit polio dan kepentingan imunisasi bagi mencegah polio, serta menangani pengaruh antivaksin.
- vi. Meningkatkan kesedaran dan pendidikan kesihatan mengenai kebersihan persekitaran dan juga penjagaan kebersihan diri dan tangan (*personal and hand hygiene*).

Manakala orang ramai khususnya ibu bapa dinasihatkan untuk memastikan anak-anak telah mendapat imunisasi polio yang lengkap. Kanak-kanak yang cicir imunisasi boleh dibawa ke mana-mana fasiliti kesihatan berhampiran untuk mendapatkan imunisasi. Di samping

itu, sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

8 Disember 2019

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penyakit polio merupakan penyakit yang wajib dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Bagi memastikan Malaysia bebas daripada penyakit polio, pemantauan gejala penyakit yang menyerupai gejala penyakit polio iaitu *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) dijalankan kepada kanak-kanak berumur kurang daripada 15 tahun di semua fasiliti kesihatan di Malaysia. Sekiranya terdapat kes-kes AFP dilaporkan, siasatan lengkap akan dijalankan. Sebanyak dua (2) sampel najis diambil daripada kanak-kanak yang bergejala dalam tempoh 14 hari paralisis dan diuji di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). IMR adalah makmal dalam negara yang diakreditasi oleh WHO pada setiap tahun bagi menjalankan ujian pengesanan dan pengesanan virus polio.

KKM juga menjalankan pemantauan kehadiran virus polio dalam persekitaran melalui persampelan air kumbahan di beberapa loji rawatan air kumbahan terpilih sejak 2012. Sehingga kini, tiada virus polio liar (*wild*) atau *circulating vaccine-derived poliovirus* (cVDPV) dikesan dalam sampel persekitaran.

Penyakit polio adalah penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan kelumpuhan kekal. Ia disebabkan oleh virus polio yang merebak lazimnya melalui oral-fekal dan boleh juga melalui makanan dan air yang tercemar. Penyakit ini hanya boleh dicegah melalui pemberian imunisasi. Di bawah Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan, empat (4) dos vaksin polio diberikan dengan menggunakan vaksin kombinasi Difteria, Pertussis, Tetanus dan *Haemophilus influenza* B. Ia diberikan kepada kanak-kanak pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan.